



Langkah-langkah Menuju  
**KEBEBASAN**  
di Dalam  
**KRISTUS**

Neil T. Anderson

## **Langkah-Langkah Menuju Kebebasan Di Dalam Kristus**

Penulis : Neil T. Anderson  
Penterjemah : Jacqueline Jose  
Penyunting : Randy Singkee  
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Mei 2015

Hakcipta © 1993 Neil T. Anderson  
Steps to Freedom in Christ

Hakcipta © 2015 Edisi Bahasa Malaysia  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia  
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia di Sabah dan Sarawak untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Daftar Isi



Sebelum Anda Bermula	1
Persiapan Sebelum Melakukan Langkah-Langkah Kebebasan Di Dalam Kristus	4
<b>Langkah 1:</b> Pilihlah Kenyataan Bukan Kepalsuan	7
<b>Langkah 2:</b> Pilihlah Kebenaran Bukan Tipu Muslihat	13
<b>Langkah 3:</b> Pilihlah Pengampunan Bukan Kepahitan	20
<b>Langkah 4:</b> Pilihlah Ketaatan Bukan Pemberontakan	24
<b>Langkah 5:</b> Pilihlah Kerendahan Hati Bukan Kesombongan	26
<b>Langkah 6:</b> Pilihlah Kebebasan Bukan Keterikatan	29

**Langkah 7:**

Pilihlah Penolakan Bukan Penyerahan	34
Memelihara Kebebasanmu	37
Lampiran A: Siapakah Saya di dalam Kristus	41
Lampiran B: Doa Peperangan Rohani	43
Lampiran C: Kebenaran Tentang Bapa yang di Syurga	46
Lampiran D: Langkah-Langkah untuk Mengatasi Ketakutan	48

## LANGKAH 1: PILIH LAH KENYATAAN BUKAN KEPALSUAN



Langkah pertama untuk mencapai kebebasan dalam Kristus adalah melepaskan penglibatan anda dalam amalan-amalan okultisme (kuasa ghaib), sama ada yang anda masih lakukan sekarang atau pun yang pernah anda lakukan dahulu. Ini adalah semua amalan yang ada hubungan dengan ajaran-ajaran palsu atau kekuatan ghaib yang berasal dari Iblis. Anda harus melepaskan semua kegiatan dan meninggalkan kelompok yang menawarkan bimbingan melalui sumber-sumber lain selain daripada wibawa mutlak Firman Allah. Ada juga yang menuntut pengikutnya mengikuti upacara pentahbisan, pemberkatan, atau perjanjian-perjanjian rahsia. Ajaran-ajaran mereka jelas menyangkal Kristus Yesus.

Bagi membantu anda menilai pengalaman-pengalaman rohani anda, mulakan langkah ini dengan meminta bantuan Roh Allah untuk menyatakan bimbingan salah dan pengalaman keagamaan palsu yang pernah anda dapat atau alami.



### Doa

*Bapa di Syurga, saya meminta agar Engkau menjaga hati dan fikiran saya. Tunjukkan kepada saya akan semua penglibatan yang pernah saya lakukan dalam amalan-amalan okultisme (kuasa ghaib), dan ajaran-ajaran serta guru-guru palsu, baik secara sengaja atau pun tidak sengaja, yang saya ingati atau pun sudah lupa. Dalam nama Yesus saya berdoa. Amin.*

Sila lengkapkan “**Senarai Pengalaman Spiritual Yang Tidak Sesuai Dengan Firman Tuhan**” yang berikut dengan menandakan kegiatan yang pernah anda terlibat. Senarai ini tidak sempurna, tetapi ia dapat membantu anda



mengetahui kegiatan-kegiatan yang pernah anda alami yang tidak bersesuaian dengan Firman Tuhan. Jika ada hal-hal yang tidak tertulis dalam senarai ini, anda boleh menambahkannya sendiri. Walaupun anda mungkin terlibat dalam amalan-amalan tersebut secara tidak sengaja atau hanya sebagai satu permainan, anda tetap harus memasukkannya ke dalam senarai hal-hal yang harus anda tinggalkan. Ini adalah kerana tanpa disedari anda mungkin telah memberikan tempat bagi Iblis untuk memijakkan kakinya di dalam hidup anda. Sekiranya anda teringat sesuatu yang anda tidak begitu pasti, berdoa dan mintalah bantuan daripada Roh Kudus dan letakkan kepercayaan yang sepenuhnya kepada Tuhan, dan lepaskan ia.

Ada beberapa soalan tambahan di akhir senarai ini yang dirangka untuk membantu anda mengetahui dan menyedari perkara-perkara lain yang perlu anda tinggalkan. Dan doa pengakuan dan pelepasan yang pendek disediakan di akhir soalan tersebut. Berdoalah dengan suara yang kuat dan tegas bagi setiap hal yang anda telah tuliskan.



Senarai Pengalaman Spiritual yang Tidak Sesuai dengan Firman Tuhan (tanda pada yang berkenaan)

### *Kuasa Ghaib (Occult)*

	Papan Ouija		Berbicara dalam keadaan tidak sedar (dikuasai oleh kekuatan lain)
	Telepati		Ikut menari yang berhubungan dengan kuasa ghaib atau pemujaan
	Tulisan Automatik		Pernah disembuhkan dengan cara ghaib
	Dungeons and Dragons		Pernah diserahkan kepada berhala di tokong kerana sakit ketika masih kecil
	Perubatan New Age		Memiliki buku-buku mengenai okultisme (agama sesat, tafsiran mimpi, tenaga dalam, dll)
	Roh Pembimbing		Penyembahan berhala (patung, gambar-gambar)
	Memuja hantu atau roh-roh		Mampu melihat benda-benda yang tidak kelihatan oleh pancaindera
	Astrologi (Horoskop)		Hipnotis
	Pengaruh pada fikiran		Sihir (hitam dan putih)
	Roh-roh seksual (nafsu)		Susuk
	Azimut		Ikat pinggang



	Ilmu kebal		Guna-guna
	Penambat		Jampi-jampi
	Seksualiti/perkahwinan dengan kuasa ghaib		Berjumpa dukun/orang pintar
	Numerologi (Hari/Angka baik)		Memelihara benda-benda ghaib (roh orang meninggal, toyol & jin)
	Ilmu batin		Menyeru arwah nenek moyang/arwah pahlawan
	Kepercayaan tahyul		Memuja orang mati di kuburan
	Menilik nasib dengan kad		Membaca telapak tangan
	Kamburongoh		Membaca wajah
	Memuja di tempat keramat		Horoskop/ramalan bintang
	Mantera-mantera		Upacara selamatan dan ruwatan
	Menyembah syaitan atau roh-roh lain		Pernah ketagihan/menjual dadah
	Mengikuti seni bela diri		Berjalan di atas bara api
	Memotong lidah		Ramuan-ramuan berkhasiat
	Pertapaan di gunung/tempat keramat		Minta bantuan bobolian/bobohizan
	Feng Shui		Penyembahan di tokong/kuil
	Kad Tarot		Hipnosis Sendiri
	Menyembah kubur		Mengikut upacara miring

*Ajaran Sesat/Pemujaan (cult)*

	Mormon		Saksi Jehovah
	Christian Science		Church of the Living Word
	The Way International		New Age
	Unification Church/Moonies		Mason
	Children of God (Love)		The Forum (EST)
	Penyembahan Roh		



### Agama Lain

	Nichiron Shoshu		Yoga
	Sai Baba		Buddha
	Hare Krisna		Taoist
	Bahai		Dewa-dewi agama tradisional Cina
	Transcendental Meditation		Dewa-dewi Hindu
	Islam		

### Lain-lain

	Pernahkah anda dihipnotis? Jelaskan.
	Pernahkah anda mengikuti seminar New Age atau Parapsikologi? Jelaskan.
	Pernahkah anda berhubungan dengan perantara, roh-roh, atau penghubung? Jelaskan.
	Pernahkah anda mempunyai teman khayalan atau roh pembimbing yang menawarkan bimbingan atau persahabatan dengan anda? Jelaskan.
	Pernahkah anda mendengar suara-suara di dalam kepala anda atau terganggu dengan fikiran asing yang muncul berkali-kali di dalam kepala anda (contohnya, <i>saya bodoh, saya buruk, tiada orang yang sayang saya, saya tidak boleh melakukan apa yang baik dan benar</i> )? Jelaskan.
	Pernah mengalami atau mengikuti pengalaman-pengalaman spiritual yang dianggap aneh. Jelaskan.
	Pernahkah anda terlibat dalam upacara ritual kumpulan pemujaan syaitan (pelbagai bentuk upacara ghaib)? Jelaskan.
	Pernahkah anda melihat, mendengar atau merasa satu kehadiran ghaib/spiritual di bilik anda? Jelaskan.
	Pernahkah anda bersumpah atau membuat nazar (contohnya, <i>saya tidak akan.....</i> )? Jelaskan.
	Pernahkah anda mengalami mimpi ngeri yang berulang, dan ketakutan yang amat sangat? Jelaskan.
	Lain-lain (tuliskan):



Setelah anda yakin bahawa senarai anda sudah lengkap, akuilah dan lepaskanlah setiap penglibatan anda, sama ada yang dilakukan secara sengaja atau pun tidak, dengan mengucapkan doa di bawah ini. Ucapkan dengan suara yang kuat, tegas dan ulang secara berasingan bagi setiap hal yang terdapat dalam senarai anda:



*Ya Tuhan Yesus, saya mengaku bahawa saya sudah terlibat dalam \_\_\_\_\_ . Saya mohon pengampunan dari-Mu, dan saya tinggalkan/putusan ikatan dengan \_\_\_\_\_ . Di dalam nama Yesus, saya berdoa. Amin.*

Jika anda pernah terlibat dalam upacara-upacara pemujaan syaitan atau kegiatan okultisme yang berat (atau anda menduga anda pernah melakukannya), mengalami mimpi-mimpi buruk yang mengerikan, menghadapi masalah-masalah seksual atau diperhamba oleh seks, anda perlu menyatakannya dengan tegas bahawa anda meninggalkannya, seperti yang tertulis dalam panduan khas di bawah ini.

Baca dari kiri ke kanan, dimulakan dengan **Pernyataan Penolakan** yang tertulis dalam ruang Kerajaan Kegelapan diikuti dengan **Penegasan Kebenaran** yang tertulis dalam ruang Kerajaan Terang. Selepas itu, teruskan dengan pernyataan kedua, ketiga dan yang seterusnya.

Semua upacara ritual pemujaan syaitan, perjanjian-perjanjian dan tugas-tugas yang berasal dari Iblis harus dilepaskan dan diputuskan apabila Allah mengingatkan anda tentang hal-hal itu. Ada peristiwa di mana orang yang telah dipaksa untuk menjalani upacara ritual pemujaan Iblis yang berbentuk penganiayaan, telah mengembangkan keperibadian berganda (*dual personality*) supaya mereka dapat bertahan untuk terus hidup. Jika anda juga mengalami pengalaman yang sama, anda harus terus menjalani Langkah-langkah Menuju Kebebasan agar anda dapat mematahkan semua hal yang boleh anda ingat atau sedari. Ini akan membantu anda mengatasi benteng-benteng Iblis, dan selepas itu satu-persatu keperibadian berganda itu harus dimunculkan. Setiap keperibadian yang berlainan itu harus mengatasi persoalannya masing-masing dan bersedia untuk bersatu dengan Kristus. Anda mungkin memerlukan seseorang yang berpengalaman dalam peperangan rohani bagi membantu anda.



### Pengakuan Pelepasan/Penolakan untuk Mereka yang Terlibat dalam Upacara/Ritual Pemujaan Syaitan

Kerajaan Kegelapan	Kerajaan Terang
Saya menolak dan melepaskan semua hal dan kegiatan yang melibatkan nama saya kepada Iblis dan kegiatannya.	Saya yakin bahawa nama saya sekarang sudah tertulis dalam Buku Kehidupan Anak Domba.
Saya menolak dan melepaskan semua upacara di mana saya sudah dipersatukan atau dinikahkan dengan Iblis.	Saya yakin bahawa saya adalah Mempelai Kristus.
Saya menolak dan melepaskan semua ikatan perjanjian dengan Iblis yang pernah saya lakukan.	Saya yakin bahawa saya adalah seorang yang turut-serta dalam Perjanjian Baru bersama Kristus.
Saya menolak dan melepaskan segala tugas yang diberikan oleh Iblis dalam kehidupan saya, baik dalam hal pekerjaan, rumah tangga, keluarga, mahupun dalam kegiatan lain.	Saya yakin dan menyerahkan diri saya untuk mengenal dan melakukan kehendak Allah sahaja dan hanya menerima bimbingan-Nya sahaja.
Saya menolak dan melepaskan semua roh pemimpin yang diberikan kepada saya.	Saya yakin dan hanya menerima pimpinan dari Roh Kudus.
Saya melepaskan dan membatalkan darah yang pernah saya berikan dalam pelayanan Iblis.	Saya hanya percaya kepada darah Tuhan Yesus Kristus yang sudah ditumpahkan bagi saya.
Saya melepaskan dan membatalkan makan daging dan minum darah yang pernah saya lakukan dalam penyembahan Iblis.	Dengan iman, saya bersekutu dengan Allah hanya melalui Yesus Kristus sahaja.
Saya melepaskan semua perwalian dan semua bentuk perlindungan yang Iblis berikan kepada saya.	Saya yakin bahawa Allah adalah Bapa saya Roh Kudus adalah Pelindung saya yang di dalam-Nya, saya dimeteraikan.
Saya melepaskan dan membatalkan apa jua bentuk pembaptisan yang menggunakan darah dan cecair tubuh untuk menghubungkan diri saya dengan Iblis.	Saya yakin bahawa saya sudah dibaptis dalam nama Yesus Kristus dan identiti saya sekarang ada di dalam Kristus Yesus.
Saya melepaskan segala jenis dan bentuk pengorbanan yang dilakukan di atas nama diri saya yang mana melaluinya Iblis menuntut hak pemilikannya terhadap diri saya.	Saya yakin bahawa hanya korban Kristus sahaja yang berlaku ke atas diri saya. Saya adalah milik-Nya kerana saya sudah dibeli dan ditebus dengan darah Anak Domba.

## LANGKAH 2: PILIH LAH KEBENARAN BUKAN TIPU MUSLIHAT



Kebenaran yang dimaksudkan di sini adalah Firman Allah yang telah diwahyukan, tetapi kita perlu mengakui kebenaran itu dari dalam batin kita (Mazmur 51:8). Daud sangat menderita ketika dia hidup dalam kebohongan. Akhirnya, apabila dia menemukan kebebasan dengan cara mengakui kebenaran tersebut, dia menulis, *“Berbahagialah orang yang tidak dituduh oleh TUHAN kerana kejahatan mereka, dan yang tidak suka menipu”* (Mazmur 32:2). Kita harus membuang semua pembohongan dan menyatakan perkara-perkara benar di dalam kasih (Efesus 4:15,25).

Kita telah dipanggil untuk berjalan dalam terang (lihat 1 Yohanes 1:7). Apabila kita yakin Allah mengasihi dan menerima kita, kita dibebaskan untuk menghadapi dosa kita dan realiti hidup, bukannya cuba lari dari kenyataan serta bersembunyi dari kebenaran dan akibat-akibat dosa yang menyakitkan. Seseorang yang berfikiran sihat adalah orang yang menghadapi kenyataan dan relatif bebas dari kerisauan. Ciri-ciri ini harus ada di dalam orang Kristian yang telah menerima kebenaran dan meninggalkan tipu muslihat.

Mulakan langkah ini dengan mengucapkan doa di bawah, dengan suara yang kuat. Jangan biarkan musuh menuduh anda dengan fikiran-fikiran seperti ini: *“Hal ini tidak akan berhasil”* atau *“Saya ingin percaya, tetapi tidak boleh”* atau pembohongan-pembohongan lain yang menghalang kita daripada melakukan perkara yang sepatutnya. Walaupun anda menghadapi kesukaran dalam melakukan langkah ini, anda perlu berdoa dengan doa ini dan membacakan Penyataan Iman sebagai doa.



*Bapa di Syurga. Saya tahu bahawa Engkau menginginkan kebenaran dalam batin dan dengan menghadapi dan menerima kebenaran inilah saya dapat dibebaskan (Yohanes 8:32). Saya mengaku bahawa saya*



*telah ditipu oleh bapa dusta, iaitu Iblis (Yohanes 8:44) dan saya telah menipu diri saya sendiri (1 Yohanes 1:8). Saya berdoa dalam nama Tuhan Yesus Kristus agar Engkau, ya Bapa, akan menengking semua roh penipu melalui kuasa darah dan kebangkitan Tuhan Yesus Kristus. Dengan iman saya sudah menerima Engkau ke dalam hidup saya dan sekarang saya ditempatkan bersama Kristus di syurga (Efesus 2:6). Saya sedar bahawa saya mempunyai tanggungjawab dan kuasa untuk mengusir Iblis. Apabila saya melakukannya, maka Iblis itu akan lari dari hadapan saya. Sekarang saya mohon Roh Kudus membimbing saya ke dalam seluruh kebenaran (Yohanes 16:13). Saya mohon kepada-Mu untuk "Selidikilah aku, Ya Allah, dan selamilah hatiku; ujilah aku dan ketahuilah fikiranku. Periksalah hatiku sama ada terdapat kejahatan dalam diriku, dan pimpinlah aku ke jalan yang abadi" (Mazmur 139:23-24). Dalam nama Yesus saya berdoa. Amin.*

Mungkin anda ingin berhenti sejenak pada langkah ini untuk mendapatkan pertimbangan skema atau kerana Iblis merancang untuk menyesatkan anda. Bukan hanya guru-guru palsu, nabi-nabi palsu, dan roh-roh penyesat sahaja yang dapat menipu, tetapi anda juga boleh menipu diri sendiri. Sekarang anda sudah hidup di dalam Kristus dan sudah diampuni. Anda tidak perlu lagi hidup dalam pembohongan atau membela diri anda sendiri. Kristuslah Pembelamu.

Senarai di bawah ini akan membantu anda untuk melihat cara-cara bagaimana anda telah ditipu. Mengaku dan berdoalah setiap kali Tuhan membawa kepada ingatan anda tentang hal-hal di mana anda pernah menipu atau berusaha untuk membela diri anda sendiri:



Senarai Pembelaan dan Penipuan oleh Dunia  
serta Diri Sendiri

### *Penipuan oleh Dunia*

- Percaya bahawa wang dan harta benda akan membawa kepada kebahagiaan yang kekal (Matius 13:22; 1 Timotius 6:10)
- Percaya bahawa makanan dan minuman beralkohol dapat menghilangkan stress dan membuat diri saya gembira (Amsal 20:1; 23:19-21)
- Percaya bahawa tubuh dan personaliti yang menarik akan membolehkan saya mendapat apa yang saya kehendaki (Amsal 31:30; 1 Petrus 3:3,4)
- Percaya bahawa memenuhi hawa nafsu seksual akan memberi kepuasan yang berpanjangan (Efesus 4:22; 1 Petrus 2:11)
- Percaya bahawa saya boleh terus berdoa tanpa sebarang akibat yang negatif (Ibrani 3:12,13)



- Percaya saya memerlukan lebih daripada apa yang Allah telah berikan kepada saya di dalam Kristus Yesus (2 Korintus 11:2-4, 13-15)
- Percaya bahawa saya boleh lakukan apa saja yang saya mahu, dan orang lain tidak dapat menyentuh saya (Amsal 16:18; Obaja 3; 1 Petrus 5:5)
- Percaya bahawa orang tidak benar yang menolak Kristus akan ke syurga juga (1 Korintus 6:9-11)
- Percaya bahawa saya boleh bersekutu dengan teman-teman yang tidak baik dan tidak akan terpengaruh oleh mereka (1 Korintus 15:33,34)
- Percaya bahawa tidak ada akibat di dunia ini untuk dosa saya (Galatia 6:7,8)
- Percaya saya harus mendapatkan persetujuan orang tertentu untuk menjadi bahagia (Galatia 1:10)
- Percaya saya mesti mencapai suatu standard tertentu agar saya merasa baik tentang diri saya sendiri (Galatia 3:2,3; 5:1)

### *Penipuan Diri*

- Menjadi pendengar dan bukan pelaku Firman (Yakobus 1:22; 4:17)
- Mengatakan saya tidak berdosa (1 Yohanes 1:8)
- Menganggap diri saya bererti, tetapi sebenarnya tidak (Galatia 6:3)
- Menganggap diri saya bijak di dunia ini (1 Korintus 3:18-19)
- Menganggap saya tidak menuai apa yang saya tabur (Galatia 6:7)
- Menganggap orang yang tidak benar tetap akan mewarisi Kerajaan Allah (1 Korintus 6:9)
- Menganggap saya sangat rohani tetapi saya tidak mengekang lidah (Yakobus 1:26)

### *Pembelaan Diri (membela diri kita sendiri dan tidak memberi kepercayaan kepada Yesus untuk menjaga hidup kita)*

- Menyangkal kebenaran (secara sedar atau pun tidak sedar)
- Berfantasi (cuba melarikan diri dari dunia nyata dengan berkhayal, menonton TV atau filem, bermain komputer, menyalahgunakan dadah atau alkohol, dsbnya)
- Memanjakan emosi (menyendiri untuk mengelakkan penolakan)
- Kembali ke situasi yang kurang memberi ancaman
- Marah tidak kena tempat - melempiaskan rasa kecewa pada orang lain atau hal lain



- Menyalahkan orang lain untuk masalah yang saya hadapi
- Membela diri dengan cara berbicara tentang hal yang menyimpang dari topik asal
- Memberi pelbagai alasan untuk sikap buruk saya
- Berbohong (untuk memberi satu imej yang palsu)

Untuk hal-hal yang sudah nyata ada dalam kehidupan anda, berdoalah dengan doa ini:



*Tuhan, saya mengaku bahawa saya sudah ditipu dalam hal \_\_\_\_\_ . Terima kasih kerana Engkau mengampuni saya. Saya mengambil keputusan untuk mengenal dan mengikut kebenaran-Mu. Dalam nama Yesus yang telah membebaskan saya, saya berdoa. Amin.*

Mungkin agak sukar untuk anda berlaku benar jika anda sudah biasa berbohong selama bertahun-tahun. Sudah terlalu lama anda bergantung kepada pembongkaran. Oleh itu, anda perlu meminta bantuan dari Pencipta untuk menghancurkan mekanisme pembelaan yang ada dalam diri anda. Orang Kristian hanya memerlukan satu pembelaan, iaitu Yesus. Apabila anda sedar bahawa anda telah diampuni dan diterima sebagai anak Tuhan, anda akan bebas menghadapi kenyataan dan dapat bergantung pada-Nya.

Iman adalah anggapan Alkitabiah terhadap suatu kebenaran dan mempercayai kebenaran merupakan suatu pilihan yang kita buat. Ketika seseorang berkata, *"Saya ingin mempercayai Allah, tetapi saya tidak boleh"*, sebenarnya dia sedang ditipu. Sudah tentu anda boleh mempercayai Allah. Anda beriman untuk mempercayai-Nya kerana anda sudah mengambil keputusan untuk melakukannya, bukan kerana anda menyukainya. Mempercayai kebenaran tidak menjadikan kebenaran itu benar. Kebenaran itu tetap benar walaupun kita tidak mempercayainya. Oleh itu, kita harus mempercayai kebenaran. Iblis memutarbelitkan kebenaran dengan berkata bahawa kita boleh mencipta kenyataan melalui apa yang kita percayai. Kita tidak boleh mencipta kenyataan melalui fikiran sendiri. Yang boleh kita lakukan hanyalah menghadapi kenyataan. Setiap orang percaya akan sesuatu dan mereka berjalan dengan iman sesuai dengan apa yang mereka percayai. Tetapi, jika anda mempercayai perkara yang tidak benar, maka hidup anda (cara anda berjalan dengan iman) akan menjadi tidak benar juga.

Dalam sejarah gereja, umat Allah sudah menemui nilai dirinya yang agung



ketika apa yang dipercayai umat Allah tersebut diumumkan di hadapan orang ramai. Pernyataan kepercayaan dari Rasul-Rasul telah digunakan selama berabad-abad. Sila baca pernyataan iman di bawah ini dengan tegas. Jika perlu, baca pernyataan ini berulang-kali dan sekerap yang mungkin agar fikiran anda dapat diperbaharui. Anda boleh membacanya setiap hari selama beberapa minggu.



## Pernyataan Iman

- 1** Saya mengakui bahawa hanya ada satu Allah yang benar dan hidup (Keluaran 20:2-3), yang menyatakan Diri-Nya sebagai Bapa, Anak, dan Roh Kudus. Dia layak menerima segala penghormatan, pujian dan kemuliaan sebagai Pencipta, Pemelihara, serta sebagai yang Awal dan yang Akhir dari semua perkara (Wahyu 4:11; 5:9-10; Yesaya 43:1,7,21). Amin.
- 2** Saya mengakui Yesus Kristus sebagai Mesias, Firman yang menjadi manusia dan tinggal di antara kami (Yohanes 1:1,14). Saya percaya bahawa Dia datang untuk memusnahkan pekerjaan Iblis (1 Yohanes 3:8). Dia melucutkan para pemerintah dan penguasa dan menjadikan mereka tontonan umum dalam kemenangan-Nya ke atas mereka (Kolose 2:15). Amin.
- 3** Saya percaya bahawa Allah telah membuktikan betapa besarnya kasih-Nya kepada saya, kerana Kristus mati bagi saya semasa saya masih berdosa (Roma 5:8). Saya percaya bahawa Dia telah membebaskan saya dari kuasa-kuasa kegelapan dan memindahkan saya ke bawah pemerintahan-Nya. Di dalam Dia, saya telah diselamatkan dan dosa-dosa saya telah diampuni (Kolose 1:13-14). Amin.
- 4** Saya percaya bahawa kini saya adalah anak Allah (1 Yohanes 3:1-3) dan saya mendapatkan tempat untuk bersama Kristus di syurga (Efesus 2:6). Saya percaya bahawa saya telah diselamatkan oleh kasih kurnia Allah melalui iman saya, dan keselamatan itu adalah suatu anugerah, bukan hasil usaha saya sendiri (Efesus 2:8). Amin.
- 5** Saya memilih untuk menjadi kuat di dalam Tuhan dengan mendapat kekuatan dari kuasa-Nya (Efesus 6:10). Saya tidak mahu bergantung kepada upacara yang lahiriah (Filipi 3:3) kerana senjata saya dalam perjuangan adalah senjata yang diberikan oleh Allah (2 Korintus 10:4). Saya memakai seluruh perlengkapan senjata dari Allah (Efesus 6:10-20).



dan memilih untuk berdiri teguh di dalam iman serta menolak Iblis. Amin.

**6**

Saya percaya bahwa tanpa Kristus, saya tidak dapat berbuat apa-apa (Yohanes 15:5) sehingga saya menyatakan bahwa saya bergantung kepada-Nya. Saya memilih untuk tinggal di dalam Kristus supaya dapat menghasilkan banyak buah dan memuliakan Tuhan (Yohanes 15:8). Kepada Iblis, saya menyatakan bahwa Yesus adalah Tuhan saya (1 Korintus 12:3) dan saya menolak sebarang pemberian atau pekerjaan Iblis yang palsu di dalam kehidupan saya. Amin.

**7**

Saya percaya bahwa kebenaran akan membebaskan saya (Yohanes 8:32) dan hidup dalam cahaya adalah satu-satunya cara untuk berada di dalam persekutuan Allah (1 Yohanes 1:7). Oleh yang demikian, saya berdiri melawan tipu muslihat Iblis dengan menawan fikiran saya supaya saya taat kepada Kristus (2 Korintus 10:5). Saya menyatakan bahwa Alkitab adalah satu-satunya ukuran yang berkuasa (2 Timotius 3:15-16). Saya memilih untuk mengakui kebenaran dengan hati yang penuh kasih (Efesus 4:15). Amin.

**8**

Saya memilih untuk mempersembahkan tubuh saya sebagai senjata kebenaran, persembahan yang hidup dan korban yang kudus, serta memperbaharui fikiran saya dengan Firman Allah yang hidup agar saya dapat membuktikan bahwa kehendak Allah itu baik, dapat diterima dan sempurna (Roma 6:13; 12:1-2). Saya membuang hidup yang lama dengan semua sifatnya dan menjadi manusia baru (Kolose 3:9-10). Amin.

**9**

Saya memohon kepada Bapa di Syurga agar Dia menguasai saya dengan Roh Allah (Efesus 5:18), memimpin saya ke dalam seluruh kebenaran (Yohanes 6:13), dan menguatkan saya sehingga saya dapat mengatasi dosa serta tidak hidup menurut keinginan tabiat manusia (Galatia 5:16). Saya mematikan tabiat manusia saya dengan segala nafsu dan keinginannya (Galatia 5:24) dan memilih untuk berjalan di dalam Roh Allah. Amin.

**10**

Saya meninggalkan semua tujuan yang saya tetapkan demi kepentingan diri sendiri dan memilih tujuan kasih (1 Timotius 1:15). Saya memilih untuk taat pada dua perintah terbesar, yaitu mengasihi Tuhan Allah saya dengan sepenuh hati, dengan segenap jiwa dan dengan seluruh akal saya, serta mengasihi sesama manusia seperti saya mengasihi diri sendiri (Matius 22:37-39). Amin.





Saya percaya bahawa Yesus telah diberikan segala kuasa di syurga dan di bumi (Matius 28:18) dan semua roh yang berkuasa dan yang memerintah berada di bawah kekuasaan-Nya (Kolose 2:10). Saya percaya bahawa sejak saya menjadi anggota tubuh Kristus, Iblis dan sekutunya tunduk di bawah saya (Efesus 1:19-23). Oleh yang demikian, saya mematuhi perintah untuk melawan si Iblis (Yakobus 4:7) dan di dalam nama Yesus, saya memerintahkannya untuk lari dari saya. Amin.